



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### **PELANTIKAN BAHARU PENERUSI KONTRAK MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA, JAWATAN GRED UTAMA C (TERBUKA) SELAMA (2 + 2) TAHUN**

---

Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM) adalah sebuah tribunal yang merupakan badan tunggal berperanan untuk memutuskan kes-kes yang melibatkan pembuangan kerja, perjanjian kolektif dan pertikaian perusahaan di antara majikan, pekerja dan kesatuan-kesatuan sekerja yang berkaitan. MPM telah ditubuhkan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177].

Salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Menteri Sumber Manusia di bawah Kerangka Strategik Malaysia MADANI (KSMM) yang melibatkan MPM ialah **Reformasi Mahkamah Perusahaan Malaysia dan Mahkamah Buruh dimana fokus utama adalah:**

- a) Memendekkan Tempoh Masa Proses Pengadilan;
- b) Mengurangkan Kes-Kes Tertunggak di Mahkamah Perusahaan Malaysia dan Mahkamah Buruh; dan
- c) Menambah Baik Fasiliti dan Kemudahan di Kedua-dua Mahkamah.

Sebagai salah satu inisiatif ialah dengan melantik dua (2) orang Pengerusi wanita yang berpengalaman luas dalam bidang perundangan perburuhan iaitu:

- i. **YA Puan Chow Siew Lin**
- ii. **YA Puan Pravin Kaur Jessy**

Bersempena dengan hari meraikan wanita sedunia pada 8 Mac 2024 lalu, KESUMA turut menghargai kepentingan peranan wanita di dalam industri perundangan dan penghakiman. Dalam hal ini MPM akan meluaskan peranan wanita dengan memberikan mereka tempat sebagai pembuat keputusan, sesuai dengan bidang kepakaran mereka.

Selain itu, MPM juga mencipta sejarah kerana salah seorang Pengerusi ini akan menjadi wanita pertama daripada kaum Sikh yang dilantik sebagai Pengerusi MPM.

Dengan pelantikan dua (2) orang Pengerusi ini maka lengkaplah pengisian jawatan Pengerusi di MPM. Adalah diharap dengan pelantikan ini akan dapat mempercepatkan pengendalian kes-kes dan secara langsung akan meningkatkan penyelesaian kes-kes di MPM.

**MENTERI SUMBER MANUSIA  
KUALA LUMPUR  
29 MAC 2024**